

PERMOHONAN BIASISWA LATIHAN PELAUT

TAHUN

20

24



KUMPULAN WANG
PUSAT PERDAGANGAN LAUT

KETERANGAN PANDUAN PERMOHONAN BIASISWA LATIHAN PELAUT KUMPULAN WANG PUSAT PERDAGANGAN LAUT (KWPPPL) 2024

1. PROSES PERMOHONAN

1.1. Permohonan biasiswa ini mestilah dilakukan secara rasmi oleh pelaut warganegara Malaysia secara langsung tanpa melibatkan sebarang pengaruh atau sokongan daripada mana-mana institut latihan maritim.

1.2. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan borang yang lengkap dan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.

1.3. Permohonan HANYA boleh dihantar melalui e-mel ke kwpppl@marine.gov.my

1.4. Untuk permohonan dihantar melalui e-mel, format mestilah mematuhi perkara di bawah:

Tajuk e-mel:

PERMOHONAN BIASISWA <nama ringkas pemohon> 2024

Contoh tajuk e-mel yang perlu ditulis jika nama pemohon ialah *Intan Faraha binti Amri Che' Thar*, manakala tahun permohonan dan kursus adalah 2024:

PERMOHONAN BIASISWA INTAN FARAHA 2024

1.5. Lampiran bagi permohonan yang dihantar melalui e-mel mestilah tidak melebihi saiz 20mb. Walau bagaimanapun, pemohon disyorkan untuk memuat naik kesemua dokumen ke storan awan (cloud storage) dan berkongsi pautan (sharing link) di e-mel yang dihantar ke KWPPPL.

1.6. Maklumat umum dan hebahan terkini berkenaan fasa permohonan biasiswa ni akan dinyatakan di laman sesawang KWPPPL: www.kwpppl.org

1.7. Proses penelitian dan penyenaraian pendek calon yang berjaya akan dilakukan oleh pihak KWPPPL dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tamat permohonan dengan dokumen yang lengkap. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.

1.8. Pemohon yang berjaya untuk ke peringkat temu duga akan diberikan notis pemakluman dan akan dihubungi oleh urus setia KWPPPL. Jika selepas tempoh 3 bulan pada perkara 1.7, pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas, tidak akan disenarai-pendek ke peringkat seterusnya dan dibolehkan memohon semula pada sesi pembukaan permohonan biasiswa yang akan datang.

1.9. Rayuan dan bantahan tidak akan memberi sebarang impak kepada permohonan kerana keputusan KWPPPL adalah muktamad.

2. KRITERIA PEMOHON YANG DIUTAMAKAN

2.1. Pemohon mestilah bebas daripada rekod jenayah dan bebas daripada senarai hitam Jabatan Laut Malaysia (JLM). Pemohon juga tidak mempunyai sebarang aduan/masalah disiplin yang melibatkan tatatertib ketika menjalankan kursus atau ketika berkhidmat di atas kapal.

2.2. Pemohon mempunyai **tempoh perkhidmatan laut sekurang-kurangnya 24-36 bulan di atas kapal dagang** yang bersesuaian dengan kursus perakuan kekompetenan (CoC) yang bakal disertai.

2.3. Pemohon mestilah, (1) tidak pernah melengkapkan mana-mana kursus latihan CoC; (2) tidak memperolehi CoC yang telah dinaik taraf; (3) tidak pernah menjalani ujian peperiksaan lisan JLM CoC yang telah dinaik taraf, sebelum tarikh borang permohonan biasiswa diserahkan. Pemohon yang telah memperolehi CoC yang dinaik taraf sebelum permohonan biasiswa diserahkan, tidak akan dipertimbangkan untuk ke peringkat seterusnya.

2.4. Pemohon sihat tubuh badan, dan mempunyai sijil pemeriksaan kesihatan yang sah laku oleh panel pemeriksa kesihatan yang diluluskan oleh JLM. Pelaut yang mempunyai penyakit kronik yang disahkan oleh pemeriksa kesihatan bertauliah, atau sebarang penyakit yang memerlukan pengambilan ubat dan sesi pertemuan perubatan secara berterusan dinasihatkan untuk memohon bantuan khas KWPPPL, dan tidak disyorkan untuk memohon biasiswa latihan.

3. TEMU DUGA CALON

3.1. Pemohon yang layak ditemu duga akan diberikan tarikh dan lokasi sesi temu duga oleh urus setia KWPPPL. Sekiranya calon temu duga sedang berkhidmat pada tarikh tersebut, calon dikehendaki mengemukakan bukti yang kukuh.

3.2. Jika terbukti dan diterima oleh urus setia KWPPPL bahawa calon tidak dapat menghadiri diri ke sesi temu duga kerana sedang berkhidmat di atas kapal, beliau boleh dipertimbangkan untuk menghadiri diri pada satu (1) kali sesi temu duga yang seterusnya tertakluk atas kuota tahunan biasiswa KWPPPL.

3.3. Permohonan calon berpotensi untuk ditolak sekiranya:

- Gagal menghadiri sesi temu duga yang ditetapkan;
- Lewat menghadiri diri mengikut masa yang ditetapkan;
- Tidak memberikan maklum balas kepada pihak KWPPPL dalam tempoh ditetapkan;
- Tidak mempunyai tempoh perkhidmatan laut yang mencukupi;
- Telah mempunyai CoC yang dinaik taraf sebelum tarikh permohonan dihantar.

3.4. Calon yang berjaya pada sesi temu duga dan terpilih memperoleh bantuan biasiswa latihan KWPPPL akan diberikan surat dan perjanjian rasmi penerimaan biasiswa. Surat tawaran KWPPPL sah digunakan di semua institut latihan maritim yang diiktiraf oleh JLM.

4. SYARAT UTAMA PENERIMA BIASISWA KWPPL


4.1. Pemohon mestilah mempunyai tempoh perkhidmatan laut sekurang-kurangnya 24 bulan dengan gred CoC yang diperolehi dalam tempoh 5 tahun, di atas mana-mana kapal dagang selepas menerima bantuan biasiswa KWPPL.


4.2. Penerima biasiswa KWPPL tidak memohon atau menerima sebarang bantuan kewangan daripada skim biasiswa/penajaan daripada pihak yang lain.


Borang Permohonan Biasiswa Latihan Pelaut KWPPL 2024



<https://shorturl.at/psKS4>

 www.kwppl.org

 kwppl@marine.gov.my

 +603-3346 7777